



25 Jun 2013  
25 June 2013  
P.U. (A) 183

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN ANGKATAN TENTERA  
(TERMA-TERMA PERKHIDMATAN BAGI  
ANGKATAN TETAP) 2013

*ARMED FORCES  
(TERMS OF SERVICE OF REGULAR FORCES)  
REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA ANGKATAN TENTERA 1972

PERATURAN-PERATURAN ANGKATAN TENTERA  
(TERMA-TERMA PERKHIDMATAN BAGI ANGKATAN TETAP) 2013

---

SUSUNAN PERATURAN

---

BAHAGIAN I

AM

Peraturan

1. Nama
2. Pemakaian
3. Tafsiran
4. Pangkat setaraf

BAHAGIAN II

PEGAWAI DAN ASKAR-LASYKAR

5. Kelayakan masuk ke dalam perkhidmatan
6. Kelayakan masuk pelbagai bagi kemasukan ke dalam perkhidmatan
7. Ujian pemilihan kemasukan
8. Piawaian perubatan minimum bagi kemasukan
9. Pemeriksaan perubatan
10. Keperluan pemeriksaan perubatan tambahan bagi anggota penerbangan, anggota kapal selam dan pelaut
11. Piawaian perubatan semasa dalam perkhidmatan
12. Tapisan keselamatan
13. Kemasukan ke dalam perkhidmatan
14. Pangkat, kekananan dan duluan
15. Pemberian pangkat lokal oleh Ketua Perkhidmatan
16. Pertukaran anggota
17. Penempatan bertugas

Peraturan

18. Gaji, elaun, pencen dan faedah lain, dsb.
19. Cuti
20. Pertugasan atau pinjaman anggota
21. Tempoh perkhidmatan anggota semasa pertugasan atau pinjaman di luar perkhidmatan
22. Pakaian seragam
23. Lencana
24. Anggota boleh dikehendaki mengikuti kursus
25. Keluarga boleh mengiringi anggota yang berkursus panjang di luar Malaysia
26. Pertukaran kepada simpanan
27. Pengiraan tempoh perkhidmatan
28. Persaraan, pemberhentian atau pengekalan dalam perkhidmatan yang melebihi tarikh persaraan atau pemberhentian kerja disebabkan alasan kesihatan
29. Kursus peralihan
30. Bantuan guaman
31. Kenaikan pangkat dan kekananan anggota yang hilang semasa bertugas, dsb.
32. Anggota yang tidak hadir bertugas kerana sakit
33. Anggota yang bercuti sakit dan tiada harapan untuk sembuh
34. Anggota yang menjalani rawatan di hospital
35. Rawatan pesakit di hospital
36. Pemberhentian kerja atas alasan kesihatan

BAHAGIAN III

PEGAWAI

37. Umur minimum bagi tauliah
38. Pentauliahan pegawai
39. Pelanjutan perkhidmatan pegawai tauliah jangka pendek
40. Pertukaran tauliah
41. Pembatalan tauliah
42. Persaraan pegawai
43. Penamatan perkhidmatan pegawai tauliah jangka pendek

Peraturan

44. Penanggungungan kerja
45. Jawatan pemangkuan
46. Pangkat pemangku
47. Kembalian kepada pangkat hakiki
48. Kenaikan pangkat
49. Kelayakan khidmat pesuruh

BAHAGIAN IV  
ASKAR-LASYKAR

50. Pendaftaran anggota perantis
51. Latihan asas
52. Tempoh perkhidmatan
53. Pelanjutan perkhidmatan
54. Pengekalan dalam perkhidmatan
55. Latihan sebagai pegawai kadet
56. Kenaikan pangkat
57. Penanggungungan kerja
58. Pangkat pemangku
59. Kembalian kepada pangkat hakiki
60. Penurunan pangkat
61. Pemberhentian kerja

BAHAGIAN V  
PEGAWAI KADET

62. Pelantikan
63. Pembatalan pelantikan
64. Pemberhentian kerja
65. Kegagalan dalam pengajian di institusi pengajian tinggi
66. Pemakaian peruntukan tertentu dalam Bahagian II

BAHAGIAN VI  
PELBAGAI

Peraturan

67. Perintah Majlis Angkatan Tentera
68. Pemakaian dan rujukan kepada Queen's Regulations for the Royal Navy (QRRN)
69. Pembatalan dan peralihan  
JADUAL PERTAMA  
JADUAL KEDUA  
JADUAL KETIGA  
JADUAL KEEMPAT

AKTA ANGKATAN TENTERA 1972

PERATURAN-PERATURAN ANGKATAN TENTERA  
(TERMA-TERMA PERKHIDMATAN BAGI ANGKATAN TETAP) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 15 dan 36 Akta Angkatan Tentera 1972 [*Akta 77*], Majlis Angkatan Tentera, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

AM

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Angkatan Tentera (Terma-Terma Perkhidmatan Bagi Angkatan Tetap) 2013**.

**Pemakaian**

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pegawai dan askar-lasykar angkatan tetap.

**Tafsiran**

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Angkatan Tentera 1972 [*Akta 77*];

“anak” ertinya anak seseorang anggota—

(a) yang di bawah umur dua puluh satu tahun dan termasuklah—

- (i) anak yang lahir selepas kematian anggota itu, anak tiri tanggungan atau anak tak sah taraf yang dikandung sebelum kematian anggota itu; dan

(ii) anak yang diambil sebagai anak angkat sebelum kematian anggota itu, di bawah mana-mana undang-undang bertulis, adat atau kelaziman; atau

(b) tidak kira apa jua umurnya, yang cacat otak, atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal dan tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri;

“anggota” ertinya seseorang pegawai atau seseorang askar-lasykar angkatan tetap;

“anggota kapal selam” ertinya anggota yang lulus kursus kelayakan kapal selam dan tidak digantung atau dilucut kelayakannya, berkhidmat dalam kapal selam atau melaksanakan kerja-kerja yang berhubungan dengan tugas kapal selam;

“anggota penerbangan” termasuklah juruterbang, navigator, jurutera penerbangan, jurusensor senjata, pegawai taktikal udara, kuartermaster udara, pramugara dan pramugari yang melaksanakan tugas penerbangan dalam sesuatu unit Angkatan Tentera Malaysia;

“cawangan pelaut” ertinya suatu cawangan dalam Tentera Laut Diraja Malaysia;

“cuti sakit” ertinya—

(a) suatu tempoh cuti yang tidak melebihi empat belas hari yang diberikan kepada seseorang anggota atas sokongan seseorang pegawai perubatan; atau

(b) suatu tempoh cuti melebihi empat belas hari yang diberikan kepada seseorang anggota atas sokongan Lembaga Perubatan;

“hospital” ertinya mana-mana hospital Kerajaan, Hospital Angkatan Tentera dan termasuk mana-mana hospital universiti, klinik Kerajaan dan mana-mana institusi perubatan Kerajaan;

“keluarga” ertinya suami atau isteri dan anak seseorang anggota;

“Lembaga Pemilihan” ertinya suatu lembaga yang ditubuhkan oleh Majlis Angkatan Tentera yang bertanggungjawab bagi pemilihan anggota angkatan tetap bagi sesuatu maksud tertentu mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera;

“Lembaga Perubatan” ertinya suatu lembaga yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang pegawai perubatan dalam bidang yang berkaitan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa yang layak;

“memasuki perkhidmatan” berhubung dengan—

- (a) pegawai, ertinya seseorang yang layak ditauliahkan di bawah seksyen 6 Akta; dan
- (b) askar-lasykar, ertinya seseorang yang layak didaftarkan di bawah seksyen 18 Akta;

“pangkat hakiki” ertinya pangkat yang diberi kepada seseorang pegawai atau askar- lasykar selain pangkat pemangku atau pangkat lokal;

“pangkat lokal” ertinya pangkat yang diberi kepada seseorang pegawai atau askar-lasykar bagi maksud menjalankan tugas dalam jawatan yang menghendaki pangkat yang lebih tinggi daripada pangkat hakikinya;

“pegawai perubatan” ertinya seseorang pengamal perubatan atau pergigian berdaftar dalam perkhidmatan awam atau dalam Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia;



“Pegawai Senarai Tugas Am” ertinya mana-mana pegawai selain Pegawai Senarai Tugas Ikhtisas atau Pegawai Senarai Tugas Khas;

“Pegawai Senarai Tugas Ikhtisas” ertinya mana-mana pegawai yang memegang kelulusan profesional dan ditauliahkan dalam Senarai Tugas Ikhtisas;

“Pegawai Senarai Tugas Khas” ertinya askar-lasykar yang berada dalam bidang kemahiran tertentu yang ditauliahkan dalam Senarai Tugas Khas;

“pelaut” ertinya seseorang yang didaftarkan dalam cawangan pelaut;

“penjaga”, berhubung dengan anak, ertinya mana-mana orang atau pertubuhan atau sekumpulan orang, selain ibu bapa kandung yang mempunyai hak penjagaan anak tersebut mengikut undang-undang;

“rekrut” ertinya seseorang yang didaftarkan mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan ini, yang masih belum tamat latihan asas selama tempoh enam bulan atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak;

“organisasi” termasuklah suatu badan atau perbadanan dan mana-mana subsidiari badan atau perbadanan itu.

### **Pangkat setaraf**

4. Apa-apa sebutan yang dibuat kepada sesuatu pangkat dalam Tentera Darat Malaysia hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada pangkat yang setaraf dengannya dalam Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

BAHAGIAN II  
PEGAWAI DAN ASKAR-LASYKAR

**Kelayakan masuk ke dalam perkhidmatan**

5. (1) Mana-mana orang yang merupakan warganegara Malaysia boleh memasuki perkhidmatan angkatan tetap:

Dengan syarat bahawa hanya orang Melayu hendaklah dibenarkan memasuki perkhidmatan Rejimen Askar Melayu Diraja.

(2) Tiada sesiapa pun yang telah dibuang kerja dengan keji, dibuang kerja atau diberhentikan kerja atas alasan disiplin, boleh ditauliahkan, dilantik, didaftarkan atau didaftarkan semula.

**Kelayakan masuk pelbagai bagi kemasukan ke dalam perkhidmatan**

6. (1) Kelayakan masuk pelbagai bagi kemasukan ke dalam perkhidmatan angkatan tetap hendaklah mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.

(2) Walau apa pun yang terkandung dalam subperaturan (1), pihak berkuasa yang layak boleh mengetepikan mana-mana atau semua kelayakan masuk pelbagai bagi kemasukan ke dalam perkhidmatan jika wujud keadaan perang antara Yang di-Pertuan Agong dengan mana-mana kuasa asing atau dalam masa berkuat kuasanya Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

**Ujian pemilihan kemasukan**

7. (1) Tiap-tiap orang yang berhasrat untuk memasuki perkhidmatan angkatan tetap hendaklah menjalani suatu ujian pemilihan kemasukan sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak.

(2) Tiada seorang pun boleh memasuki perkhidmatan angkatan tetap melainkan jika orang itu telah lulus ujian pemilihan kemasukan sebagaimana yang dinyatakan di bawah subperaturan (1).

(3) Peraturan ini tidak terpakai bagi orang atau golongan orang yang dikecualikan oleh pihak berkuasa yang layak.

### **Piawaian perubatan minimum bagi kemasukan**

8. Piawaian perubatan minimum yang dikehendaki bagi kemasukan ke dalam perkhidmatan angkatan tetap hendaklah mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.

### **Pemeriksaan perubatan**

9. (1) Tiap-tiap orang yang berhasrat untuk memasuki perkhidmatan angkatan tetap hendaklah menjalani suatu pemeriksaan perubatan oleh pegawai perubatan untuk menentukan sama ada atau tidak kesihatan fizikal dan keadaan kesihatannya menepati piawaian perubatan minimum sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 8.

(2) Tiada seorang pun boleh memasuki perkhidmatan angkatan tetap melainkan jika dia telah mematuhi piawaian perubatan minimum sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 8.

(3) Walau apa pun yang terkandung dalam subperaturan (2), Ketua Perkhidmatan boleh mengetepikan mana-mana atau semua piawaian perubatan minimum jika wujud keadaan perang antara Yang di-Pertuan Agong dengan mana-mana kuasa asing atau dalam masa berkuat kuasanya Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

### **Keperluan pemeriksaan perubatan tambahan bagi anggota penerbangan, anggota kapal selam dan pelaut**

10. (1) Tiada seorang pun boleh menjadi seorang anggota penerbangan, anggota kapal selam atau pelaut melainkan jika dia telah mematuhi keperluan pemeriksaan perubatan tambahan yang hendaklah mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.

(2) Kegagalan untuk mematuhi subperaturan (1) tidak boleh secara sendirinya menghalang orang itu daripada memberikan perkhidmatannya dalam tugas lain selain sebagai seorang anggota penerbangan, anggota kapal selam atau pelaut.

**Piawaian perubatan semasa dalam perkhidmatan**

11. (1) Tiap-tiap anggota yang sedang berkhidmat hendaklah mematuhi piawaian perubatan yang hendaklah mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera melainkan jika dikecualikan secara khusus oleh Ketua Perkhidmatan.

(2) Suatu Lembaga Perubatan hendaklah ditubuhkan bagi maksud menentukan keadaan kesihatan, tahap keuzuran, kesesuaian dan keupayaan seseorang anggota untuk menjalankan tugas rasminya, jika seseorang anggota itu tidak mematuhi piawaian perubatan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (1).

(3) Lembaga Perubatan hendaklah, jika perlu, mengemukakan syor kepada Ketua Perkhidmatan, dalam hal—

(a) pegawai, untuk dibersarakan atau ditamatkan perkhidmatannya; atau

(b) askar-lasykar, untuk diberhentikan daripada perkhidmatan angkatan tetap,

masing-masing menurut peraturan 42, 43 dan 61.

**Tapisan keselamatan**

12. Tiap-tiap anggota hendaklah, sebaik sahaja memasuki perkhidmatan, menjalani tapisan keselamatan, dan jika didapati tidak sesuai, dalam hal—

(a) pegawai, dibersarakan atau ditamatkan perkhidmatannya; atau

(b) askar-lasykar, diberhentikan daripada perkhidmatan angkatan tetap,

mengikut mana-mana yang berkenaan, berkuat kuasa dengan serta-merta.

**Kemasukan ke dalam perkhidmatan**

13. (1) Kemasukan seseorang anggota ke dalam perkhidmatan angkatan tetap hendaklah bermula, dalam hal—

(a) pegawai, pada tarikh dia ditauliahkan sebagai seorang pegawai atau tarikh dia dilantik sebagai pegawai kadet; dan

(b) askar-lasykar, pada tarikh dia didaftarkan.

(2) Seseorang anggota sebaik sahaja memasuki perkhidmatan—

(a) Tentera Darat Malaysia, dalam hal—

(i) pegawai, hendaklah ditauliahkan; atau

(ii) askar-lasykar, hendaklah didaftarkan ke dalam suatu kor atau rejimen Tentera Darat Malaysia; atau

(b) Tentera Laut Diraja Malaysia atau Tentera Udara Diraja Malaysia, dalam hal—

(i) pegawai, hendaklah ditauliahkan; atau

(ii) askar-lasykar, hendaklah didaftarkan ke dalam suatu cawangan Tentera Laut Diraja Malaysia atau Tentera Udara Diraja Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Seseorang hendaklah memasuki perkhidmatan angkatan tetap sebagai seorang anggota melalui pendaftaran, dan pengakusaksian mengikut seksyen 18 Akta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

**Pangkat, kekananan dan duluan**

14. (1) Pangkat yang boleh diberikan kepada seseorang pegawai atau askar-lasykar dalam angkatan tetap hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Kekananan seseorang pegawai atau askar-lasykar dalam pangkat yang sama hendaklah dikira mulai tarikh pelantikannya ke suatu pangkat hakiki, atau jika dia telah diberikan suatu tarikh kekananan yang lebih awal, kekananannya hendaklah dikira mulai tarikh yang lebih awal itu.

(3) Seseorang pegawai atau askar-lasykar hendaklah diberi duluan mengikut pangkat hakikinya dan kekananannya dalam pangkat itu.

**Pemberian pangkat lokal oleh Ketua Perkhidmatan**

15. (1) Walau apa pun peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, Ketua Perkhidmatan boleh memberi suatu pangkat lokal kepada mana-mana pegawai atau askar-lasykar—

(a) bagi suatu tempoh tertentu; atau

(b) untuk memenuhi keperluan yang timbul—

(i) apabila pangkat yang lebih tinggi wajar diberikan bagi maksud taraf atau kekananan; atau

(ii) bagi membolehkan pelaksanaan tugas dalam sesuatu jawatan yang menghendaki suatu pangkat yang lebih tinggi daripada pangkat hakikinya,

dan di akhir tempoh tugas itu, pegawai atau askar-lasykar itu hendaklah kembali ke pangkat hakiki yang disandangnya sebaik sebelum pemberian pangkat lokal itu.

(2) Pemberian pangkat lokal dalam subperaturan (1) kepada mana-mana pegawai atau askar-lasykar tidak boleh menjejaskan kekananan pegawai atau askar-lasykar itu, dan tidak boleh disifatkan sebagai suatu kenaikan pangkat.

### **Pertukaran anggota**

16. Seseorang anggota boleh ditukarkan daripada satu Perkhidmatan ke satu Perkhidmatan yang lain atau ke dalam Perkhidmatan yang sama, mengikut seksyen 13 dan 22 Akta.

### **Penempatan bertugas**

17. Penempatan bertugas bagi setiap anggota di sepanjang tempoh perkhidmatan hendaklah ditentukan, dalam hal—

(a) pegawai, oleh pihak berkuasa yang layak; dan

(b) askar-lasykar, oleh Ketua Perkhidmatan.

### **Gaji, elaun, pencen dan faedah lain, dsb.**

18. (1) Gaji, elaun dan apa-apa emolumen lain sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh pihak berkuasa yang layak boleh dibayar kepada seseorang anggota mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 157 Akta.

(2) Pencen, ganjaran dan faedah-faedah lain sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak boleh dibayar kepada anggota mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 187 Akta.

### **Cuti**

19. Tiap-tiap anggota layak mendapat cuti mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.

### **Pertugasan atau pinjaman anggota**

20. (1) Pihak berkuasa yang layak boleh menugaskan secara sementara mana-mana anggota yang ditempatkan dalam suatu kor atau rejimen atau cawangan

atau Perkhidmatan tertentu, ke suatu kor atau rejimen atau cawangan atau Perkhidmatan yang lain, atau ke suatu unit yang lain dalam Perkhidmatan yang sama.

(2) Majlis Angkatan Tentera boleh meminjamkan mana-mana anggota mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.

**Tempoh perkhidmatan anggota semasa pertugasan atau pinjaman di luar perkhidmatan**

21. (1) Mana-mana tempoh perkhidmatan seseorang anggota, yang ditugaskan atau dipinjamkan berkhidmat di luar Perkhidmatan sama ada di dalam atau di luar Malaysia menurut seksyen 5A, 5B dan 5C Akta, hendaklah disifatkan sebagai suatu tempoh perkhidmatan di dalam Malaysia yang boleh diambil kira bagi maksud kenaikan pangkat dan kekananan anggota itu.

(2) Seseorang anggota yang ditugaskan atau dipinjamkan berkhidmat di luar Perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (1) hendaklah layak dibayar gaji, elaun atau apa-apa emolumen lain sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh pihak berkuasa yang layak mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 157 Akta.

(3) Apa-apa tempoh perkhidmatan seseorang anggota yang ditugaskan atau dipinjamkan di luar Perkhidmatan hendaklah diiktiraf sebagai perkhidmatan yang boleh diambil kira.

**Pakaian seragam**

22. (1) Tiap-tiap anggota hendaklah memakai pakaian seragam mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.

(2) Seseorang anggota boleh memakai atas pakaian seragamnya mana-mana lencana yang diberikan kepadanya mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.



### **Lencana**

23. (1) Pihak berkuasa yang layak boleh, jika ia fikirkan wajar, memberi apa-apa lencana kepada mana-mana anggota yang layak.

(2) Majlis Angkatan Tentera boleh menentukan jenis, kriteria dan kelayakan bagi pemakaian lencana dan apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya dalam Perintah Majlis Angkatan Tentera.

### **Anggota boleh dikehendaki mengikuti kursus**

24. (1) Seseorang anggota hendaklah, apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa yang layak, mengikuti kursus sama ada di dalam atau di luar Malaysia.

(2) Pihak berkuasa yang layak boleh mengenakan syarat ke atas seseorang anggota, yang telah dikehendaki mengikuti mana-mana kursus di bawah subperaturan (1), untuk menandatangani suatu perjanjian dalam borang yang ditetapkan dalam Perintah Majlis Angkatan Tentera sebelum bermulanya kursus itu bagi maksud menentukan tempoh perjanjian yang perlu dipenuhi oleh anggota itu sebaik tamatnya kursus itu, dan tempoh perjanjian itu hendaklah merangkumi tempoh perkhidmatan sepenuh masanya yang sebenar.

(3) Walau apa pun peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, tiada seorang pun anggota, selain pegawai tauliah jangka pendek, boleh mengikuti apa-apa kursus, tertakluk kepada syarat yang dikenakan di bawah subperaturan (2), melainkan jika dia mempunyai tempoh perkhidmatan yang mencukupi yang masih berkuat kuasa bagi membolehkannya memenuhi kewajipan yang berbangkit daripada perjanjian yang disebut dalam subperaturan (2).

### **Keluarga boleh mengiringi anggota yang berkursus panjang di luar Malaysia**

25. Seseorang anggota yang dikehendaki mengikuti kursus panjang di luar Malaysia boleh diiringi oleh keluarganya di sepanjang tempoh pengajiannya, dan anggota itu layak membuat apa-apa tuntutan yang berbangkit daripada apa-apa perbelanjaan yang ditanggung olehnya sebagaimana yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang layak,

mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 157 Akta dan Perintah Majlis Angkatan Tentera.

### **Pertukaran kepada simpanan**

26. Seseorang anggota yang telah bersara atau tamat tempoh perkhidmatannya dalam angkatan tetap hendaklah dipindahkan ke Simpanan Angkatan Tetap seperti yang ditubuhkan di bawah seksyen 189 Akta.

### **Pengiraan tempoh perkhidmatan**

27. Kaedah mengira perkhidmatan bagi maksud—

(a) pemberhentian kerja atau pertugasan semula atau pertukaran kepada simpanan hendaklah mengikut seksyen 34 Akta; dan

(b) faedah persaraan dan faedah-faedah lain hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 187 Akta.

### **Persaraan, pemberhentian atau pengekalan dalam perkhidmatan yang melebihi tarikh persaraan atau pemberhentian kerja disebabkan alasan kesihatan**

28. (1) Tertakluk kepada peraturan 35, seseorang anggota yang didapati rendah daripada tahap piawaian perubatan yang ditetapkan untuk menjalankan tugas tidak boleh dikekalkan dalam perkhidmatan selepas tarikh tamat tempoh perkhidmatannya tetapi hendaklah dibersarakan atau diberhentikan daripada perkhidmatan angkatan tetap.

(2) Seseorang anggota hendaklah dibersarakan atau diberhentikan kerja jika, dalam tempoh lima bulan sebelum penamatan perkhidmatan, anggota itu jatuh sakit atau mengalami kecederaan yang menyebabkan dia tidak hadir bertugas sehingga ke hari sebelum dia sepatutnya memulakan cuti sebelum persaraan atau pemberhentian kerja tersebut.

(3) Seseorang anggota hendaklah diberhentikan kerja jika dia masih mempunyai tempoh perkhidmatan yang berbaki dan telah diisytiharkan oleh Lembaga

Perubatan sebagai tidak sesuai untuk perkhidmatan selanjutnya disebabkan ketidakupayaan.

### **Kursus peralihan**

29. Tertakluk kepada kelulusan Majlis Angkatan Tentera, seseorang anggota hendaklah, di akhir tempoh perkhidmatannya, mengikuti suatu kursus peralihan, mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.

### **Bantuan guaman**

30. Seseorang anggota yang dikenakan tindakan undang-undang, semasa menjalankan atau berbangkit daripada pelaksanaan tugas rasminya, boleh diberi bantuan guaman oleh pihak berkuasa yang layak mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.

### **Kenaikan pangkat dan kekananan anggota yang hilang semasa bertugas, dsb.**

31. Jika seseorang anggota didapati hilang semasa bertugas, peperangan, operasi atau latihan, atau ditahan sebagai tawanan perang, dan kehilangan atau penahanannya itu bukanlah disebabkan ketidakpatuhan atau keingkaran atau kecuai—

- (a) kekananan anggota itu hendaklah tidak terjejas sepanjang tempoh kehilangan atau penahanannya itu;
- (b) anggota itu hendaklah layak diberikan kenaikan pangkat, dalam hal—
  - (i) pegawai, oleh Majlis Angkatan Tentera dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong; dan
  - (ii) askar-lasykar, oleh Ketua Perkhidmatan,

jika kenaikan pangkat itu boleh memanfaatkan angkatan tentera.

**Anggota yang tidak hadir bertugas kerana sakit**

32. (1) Seseorang anggota yang tidak hadir bertugas kerana sakit atas pemerakuan pegawai perubatan hendaklah dibayar gaji penuh, elaun dan apa-apa emolumen lain sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak.

(2) Seseorang anggota yang dibenarkan bercuti sakit bagi suatu tempoh yang melebihi lapan belas bulan atas pemerakuan Lembaga Perubatan tidak layak menerima apa-apa gaji, elaun atau apa-apa emolumen lain, melainkan jika Lembaga Perubatan memperakukan bahawa anggota itu mempunyai harapan untuk sembuh dan berupaya untuk melaporkan diri apabila tamatnya tempoh cuti sakit itu.

**Anggota yang bercuti sakit dan tiada harapan untuk sembuh**

33. (1) Tertakluk kepada peraturan 34, jika seseorang anggota yang sakit, cedera atau berpenyakit dibenarkan bercuti sakit bagi suatu tempoh yang melebihi lapan belas bulan, dan Lembaga Perubatan memperakukan bahawa anggota itu tidak mempunyai harapan untuk sembuh dan tidak berupaya untuk melaporkan diri apabila tamatnya tempoh cuti sakit itu, Ketua Perkhidmatannya hendaklah mengambil tindakan segera, dalam hal—

(a) pegawai, untuk membersarakan atau menamatkan perkhidmatannya; atau

(b) askar-lasykar, untuk memberhentikannya daripada perkhidmatan angkatan tetap,

atas alasan kesihatan.

(2) Seseorang anggota yang dibenarkan bercuti sakit bagi suatu tempoh yang melebihi lapan belas bulan dan diperakukan oleh Lembaga Perubatan tidak mempunyai harapan untuk sembuh menurut subperaturan (1), tidak boleh dikekalkan dalam perkhidmatan melebihi tarikh tamat tempoh perkhidmatan yang ditetapkan baginya, dan Ketua Perkhidmatannya hendaklah mengambil tindakan segera, dalam hal—

- (a) pegawai, untuk membersarakan atau menamatkan perkhidmatannya; atau
- (b) askar-lasykar, untuk memberhentikanannya daripada perkhidmatan angkatan tetap,

masing-masing, mengikut tatacara yang dinyatakan di bawah peraturan 42, 43 dan 61.

(3) Walau apa pun peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, seseorang anggota yang terlibat dalam sesuatu kemalangan semasa bertugas dan mengalami kecederaan, kehilangan atau kecacatan mana-mana bahagian tubuh badannya atau derianya, hendaklah dikekalkan dalam perkhidmatan angkatan tetap, dan jika perlu, perkhidmatannya bolehlah dilanjutkan, dalam hal—

- (a) pegawai, oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Majlis Angkatan Tentera; dan
- (b) askar-lasykar, oleh pihak berkuasa yang layak.

(4) Apa-apa pelanjutan tempoh perkhidmatan yang dibuat di bawah subperaturan (3) hendaklah tidak melebihi, dalam hal—

- (a) pegawai, umur persaraan wajib sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 42; dan
- (b) askar-lasykar, tempoh perkhidmatan berterusan sepenuh masa sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak.

#### **Anggota yang menjalani rawatan di hospital**

34. (1) Seseorang anggota yang disahkan sakit dan sedang menjalani rawatan di mana-mana hospital pada tarikh genapnya tempoh perkhidmatan yang ditetapkan baginya hendaklah—

- (a) dikekalkan dalam perkhidmatan selepas tarikh itu; dan
- (b) dibayar gaji, elaun serta faedah lain sehingga perakuan Lembaga Perubatan yang dibuat di bawah subperaturan (2) diperolehi.

(2) Suatu Lembaga Perubatan hendaklah ditubuhkan untuk mengkaji kes mana-mana anggota yang telah dimasukkan ke hospital bagi menjalani rawatan dan tempoh rawatan di hospital itu telah melebihi tempoh enam bulan atau mana-mana tempoh yang lebih awal daripada itu, khusus bagi menentukan sama ada—

- (a) anggota itu boleh disahkan sihat dan dibenarkan untuk keluar dari hospital; atau
- (b) rawatan di hospital itu masih lagi diperlukan dan wajar diteruskan bagi maksud pemulihan kesihatan anggota itu; atau
- (c) apa-apa rawatan yang patut untuk pemulihan anggota itu yang boleh didapati di mana-mana hospital di dalam atau di luar Malaysia.

(3) Jika Lembaga Perubatan yang ditubuhkan di bawah subperaturan (2), setelah mengkaji semula tahap kemajuan rawatan yang diberikan kepada anggota itu, membuat suatu pemerakuan bahawa anggota itu tidak mempunyai harapan untuk sembuh daripada sakitnya dan tidak berupaya untuk melaporkan diri setelah tamat tempoh rawatannya selama lapan belas bulan, Ketua Perkhidmatan anggota hendaklah mengambil tindakan segera, dalam hal—

- (a) pegawai, untuk membersarakan atau menamatkan perkhidmatannya; atau
- (b) askar-lasykar, untuk memberhentikannya daripada perkhidmatan angkatan tetap,

atas alasan kesihatan mengikut tatacara yang dinyatakan masing-masing di bawah peraturan 42, 43 dan 61.

### **Rawatan pesakit di hospital**

35. (1) Seseorang anggota yang menjalani rawatan di hospital hendaklah meneruskan rawatan itu sehingga tarikh tamat tempoh perkhidmatannya.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), Lembaga Perubatan hendaklah ditubuhkan untuk menentukan sama ada rawatan di hospital perlu dihentikan atau tidak, setelah tamat tempoh lima bulan anggota tidak hadir bertugas atau mana-mana tempoh yang lebih awal.

(3) Jika anggota menjalani rawatan di hospital, dia tidak akan diberhentikan daripada perkhidmatan angkatan tetap sehingga pendapat daripada Lembaga Perubatan di bawah subperaturan 34(2) itu diperoleh.

### **Pemberhentian kerja atas alasan kesihatan**

36. (1) Tindakan hendaklah diambil untuk membersarakan atau memberhentikan seseorang anggota daripada perkhidmatan angkatan tetap jika—

(a) Lembaga Perubatan mendapati seseorang anggota yang sedang sakit, cedera atau berpenyakit, tidak mempunyai harapan untuk sembuh dan tidak berupaya melaporkan diri dalam tempoh lapan belas bulan; atau

(b) bertentangan dengan pendapat awal Lembaga Perubatan yang dibuat di bawah subperaturan 34(2) dan 35(2), Lembaga Perubatan mendapati bahawa, seseorang anggota yang telah dikekalkan dalam perkhidmatan tidak mempunyai harapan untuk sembuh setelah tamat tempoh lapan belas bulan.

(2) Walau apa pun peruntukan dalam subperaturan (1), pihak berkuasa yang layak boleh meluluskan, dengan pemerakuan Lembaga Perubatan, pengekalan

perkhidmatan seseorang anggota yang mengalami kecederaan sewaktu menjalankan tugasnya yang mengakibatkan kehilangan atau kecacatan anggota tubuh badan atau organ deria penting dengan syarat bahawa perkhidmatan seseorang anggota itu bermanfaat untuk diteruskan.

### BAHAGIAN III PEGAWAI

#### **Umur minimum bagi tauliah**

37. Mana-mana orang yang berhasrat untuk memasuki perkhidmatan angkatan tetap hendaklah mencapai umur lapan belas tahun pada tarikh kemasukan itu sebelum dia boleh dikurniakan suatu tauliah sebagai seorang pegawai.

#### **Pentauliahan pegawai**

38. (1) Mana-mana pegawai yang telah dikurniakan suatu tauliah oleh Yang di-Pertuan Agong, atas syor Majlis Angkatan Tentera, hendaklah memasuki perkhidmatan sebagai seorang pegawai dalam Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia atau Tentera Udara Diraja Malaysia mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Suatu tauliah yang dikurniakan kepada seseorang pegawai hendaklah dibuat dalam bentuk Watakah Pentauliahan mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.

(3) Seseorang pegawai boleh dibenarkan untuk—

- (a) memegang tauliah tetap dan hendaklah berkhidmat bagi suatu tempoh perkhidmatan yang tidak ditentukan; atau
- (b) memegang tauliah jangka pendek dan hendaklah berkhidmat bagi suatu tempoh perkhidmatan tertentu,



dalam Senarai Tugas Am, Senarai Tugas Ikhtisas atau Senarai Tugas Khas, sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak.

### **Pelanjutan perkhidmatan pegawai tauliah jangka pendek**

39. (1) Tempoh tauliah bagi pegawai tauliah jangka pendek hendaklah mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.

(2) Seseorang pegawai tauliah jangka pendek boleh memohon, sebelum genap tempoh perkhidmatannya yang ditetapkan, untuk melanjutkan perkhidmatannya dalam angkatan tetap.

(3) Tempoh perkhidmatan bagi seseorang pegawai tauliah jangka pendek yang membuat permohonan di bawah subperaturan (2) boleh dilanjutkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Majlis Angkatan Tentera jika difikirkan munasabah dan memanfaatkan angkatan tetap.

### **Pertukaran tauliah**

40. (1) Seseorang pegawai tauliah jangka pendek boleh, sebelum genap tempoh perkhidmatannya yang ditetapkan, memohon melalui Ketua Perkhidmatannya untuk menukarkan tauliahnya menjadi suatu tauliah tetap.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas syor Majlis Angkatan Tentera, mengurniakan tauliah tetap kepada pegawai tauliah jangka pendek yang memohon di bawah subperaturan (1), berkuat kuasa pada tarikh semasa.

### **Pembatalan tauliah**

41. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas syor Majlis Angkatan Tentera, membatalkan tauliah mana-mana pegawai tanpa menyatakan apa-apa alasan.

(2) Mana-mana pegawai yang pentauliahannya dibatalkan di bawah seksyen 9 Akta hendaklah dibersarakan daripada perkhidmatan angkatan tetap mengikut peraturan 42.

**Persaraan pegawai**

42. (1) Kecuali sebagaimana yang dikehendaki selainnya oleh Yang di-Pertuan Agong, seseorang pegawai hendaklah bersara daripada perkhidmatan apabila mencapai umur persaraan paksa yang ditetapkan bagi pangkatnya sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh menghendaki seseorang pegawai untuk dibersarakan daripada perkhidmatan angkatan tetap—

- (a) apabila atau selepas dia mencapai umur persaraan pilihan yang ditetapkan bagi pangkatnya sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat;
- (b) dalam keadaan khas, jika dia berpangkat Brigadier Jeneral atau ke atas walaupun dia belum mencapai umur persaraan paksa sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (1) atau umur persaraan pilihan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (a);
- (c) atas alasan perubahan jika dia telah diperaku oleh suatu Lembaga Perubahan sebagai tidak sesuai dan tidak berupaya menjalankan tugasnya oleh sebab keuzuran minda atau tubuh badan yang berkemungkinan menjadi kekal, sama ada berkaitan dengan tugas semasa perkhidmatan atau selainnya;
- (d) jika tidak ada jawatan yang sesuai atau tidak ada harapan untuk kenaikan pangkat atau pegawai itu diatasi kerana ketidaksesuaian atau ketidakcekapan yang di luar kawalannya;
- (e) kerana ketidakcekapan atau sebab-sebab lain yang dalam kawalannya tetapi tidak terjumlah kepada salah laku;

- (f)* demi kepentingan perkhidmatan, apabila dipertuduh atas suatu kesalahan yang tidak mengakibatkan dia disabitkan;
- (g)* kerana salah laku;
- (h)* pada bila-bila masa, jika pada pendapat Yang di-Pertuan Agong, hal keadaan kes itu memerlukan sedemikian; atau
- (i)* apabila dilantik, dengan kelulusan Majlis Angkatan Tentera, untuk berkhidmat dalam mana-mana organisasi yang dalamnya Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas permohonan seseorang pegawai bertauliah tetap, membenarkan pegawai itu bersara apabila atau selepas mencapai umur persaraan pilihan yang ditetapkan.

(4) Persaraan di bawah peraturan ini hendaklah diselaraskan bagi maksud penentuan pemberian pencen, ganjaran dan faedah lain sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 187 Akta.

### **Penamatan perkhidmatan pegawai tauliah jangka pendek**

43. (1) Perkhidmatan seorang pegawai tauliah jangka pendek hendaklah ditamatkan—

- (a)* apabila genap tempoh perkhidmatannya yang ditetapkan; atau
- (b)* jika tempoh tauliah jangka pendek dilanjutkan, setelah genap tempoh perkhidmatan yang dilanjutkan itu.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh menamatkan perkhidmatan pegawai tauliah jangka pendek—

- (a) jika dia tidak sesuai;
- (b) jika dia tidak cekap kerana sebab-sebab di luar kawalannya;
- (c) jika dia diperaku oleh Lembaga Perubatan sebagai tidak berupaya menjalankan tugasnya oleh sebab keuzuran otak atau tubuh badan yang berkemungkinan menjadi kekal, sama ada berkaitan dengan tugas semasa perkhidmatan atau selainnya;
- (d) apabila dia mencapai umur persaraan paksa yang sesuai dengan pangkatnya sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan 42(1);
- (e) kerana salah laku; atau
- (f) kerana ketidakcekapan atau sebab-sebab lain di dalam kawalannya sendiri tetapi tidak terjumlah kepada salah laku.

(3) Penamatan perkhidmatan di bawah peraturan ini hendaklah diselaraskan bagi maksud pemberian penentuan pencen, ganjaran dan faedah-faedah lain sebagaimana diperuntukkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 187 Akta.

### **Penanggungan kerja**

44. (1) Ketua Perkhidmatan boleh, jika dia fikirkan perlu, memberi kuasa kepada seseorang pegawai untuk menanggung kerja seseorang pegawai yang lain yang menyandang suatu pangkat yang sama atau lebih tinggi daripada pangkat hakiki pegawai itu sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 157 Akta.

(2) Tatacara dan apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan penanggungan kerja hendaklah mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.

### **Jawatan pemangkuan**

45. (1) Pihak berkuasa yang layak boleh, jika perlu, memberi kuasa kepada mana-mana pegawai untuk mengisi suatu jawatan yang membawa bersamanya suatu pangkat yang lebih tinggi sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 157 Akta.

(2) Tempoh pemberian kuasa untuk mengisi jawatan yang membawa bersamanya suatu pangkat yang lebih tinggi boleh diambil kira bagi maksud kenaikan pangkat.

(3) Tatacara dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan jawatan pemangkuan hendaklah mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.

### **Pangkat pemangku**

46. (1) Pihak berkuasa yang layak boleh, jika perlu, memberi kuasa kepada mana-mana pegawai untuk memangku suatu pelantikan yang membawa bersamanya satu pangkat yang lebih tinggi daripada pangkat hakiki.

(2) Tatacara dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan pangkat pemangku hendaklah mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.

### **Kembalian kepada pangkat hakiki**

47. Seseorang pegawai yang menyandang pangkat pemangku boleh dikembalikan ke pangkat hakiki sebagaimana yang diarahkan oleh pihak berkuasa yang layak atau Yang di-Pertuan Agong, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam hal keadaan yang diperuntukkan dalam Perintah Majlis Angkatan Tentera.

### **Kenaikan pangkat**

48. Bagi maksud seksyen 12 Akta, kelayakan dan kriteria bagi kenaikan pangkat seseorang pegawai hendaklah mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.

**Kelayakan khidmat pesuruh**

49. (1) Perkhidmatan seseorang pesuruh hendaklah disediakan seperti yang berikut:

- (a) tiga pesuruh bagi Panglima Angkatan Tentera;
- (b) dua pesuruh bagi setiap orang dalam hal Panglima Tentera Darat, Panglima Tentera Laut dan Panglima Tentera Udara;
- (c) seorang pesuruh bagi setiap orang dalam hal Brigadier Jeneral dan ke atas; dan
- (d) seorang pesuruh bagi setiap orang dalam hal mana-mana pegawai yang memegang jawatan pegawai memerintah.

(2) Bagi maksud peraturan ini, "pesuruh" ertinya seorang askar-lasykar, yang hendaklah bertanggungjawab menguruskan keperluan seseorang pegawai sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (1) berdasarkan tugas yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak, dan tidak boleh disifatkan sebagai seorang pembantu peribadi.

BAHAGIAN IV  
ASKAR-LASYKAR

**Pendaftaran anggota perantis**

50. (1) Seseorang yang berumur di bawah lapan belas tahun boleh didaftarkan sebagai anggota perantis.

(2) Tempoh perkhidmatan permulaan seseorang anggota perantis hendaklah dikira apabila dia mencapai umur lapan belas tahun.

(3) Terma dan syarat perkhidmatan bagi anggota perantis hendaklah mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.

### **Latihan asas**

51. Seorang askar-lasykar hendaklah, setelah didaftarkan, menjalani latihan rekrut asas selama tempoh enam bulan atau apa-apa tempoh latihan asas sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak.

### **Tempoh perkhidmatan**

52. (1) Tempoh perkhidmatan sepenuh masa bagi seseorang askar-lasykar dalam angkatan tetap hendaklah bermula dari tarikh pengakusaksiannya atau apabila dia mencapai umur lapan belas tahun, mengikut mana-mana yang lebih awal, dan tempoh perkhidmatan itu hendaklah dikira bagi maksud kenaikan pangkat dan kekananan askar-lasykar itu.

(2) Seseorang askar-lasykar yang memasuki perkhidmatan angkatan tetap pada atau selepas tarikh yang ditentukan hendaklah berkhidmat—

- (a) sepenuh masa selama tempoh dua belas tahun;
- (b) jika tempoh perkhidmatannya dilanjutkan, selama tempoh pelanjutan yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak; dan
- (c) selama tempoh lima tahun dalam simpanan, dengan syarat umurnya tidak melebihi lima puluh lima tahun.

### **Pelanjutan perkhidmatan**

53. (1) Seseorang askar-lasykar yang mendaftar dalam angkatan tetap boleh, enam bulan sebelum tamat tempoh perkhidmatan sepenuh masa, memohon kepada pihak berkuasa yang layak untuk melanjutkan perkhidmatan sepenuh masanya—

- (a) daripada tempoh dua belas tahun ke lima belas tahun, dan jika dia belum mencapai umur lima puluh tahun, berkhidmat selama tempoh lima tahun dalam simpanan;

- (b) bagi meliputi tempoh kursus peralihan yang boleh diikutinya jika dia belum mencapai umur persaraan lima puluh lima tahun; atau
- (c) bagi menggenapkan tempoh perkhidmatan sepenuh masa untuk merangkumi apa-apa tempoh perkhidmatannya yang tidak boleh dikira atas alasan tertentu, dengan syarat dia belum mencapai umur persaraan lima puluh lima tahun.

(2) Seseorang askar-lasykar yang mendaftar dalam angkatan tetap boleh, sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tamat tempoh perkhidmatan sepenuh masanya, memohon kepada pihak berkuasa yang layak untuk melanjutkan perkhidmatan askar-lasykar itu bagi—

- (a) ditugaskan semula selama tempoh perkhidmatan sepenuh masa yang dilanjutkan baginya;
- (b) menggenapkan tempoh perkhidmatan sepenuh masa yang berterusan selama dua puluh satu tahun; atau
